



## OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menilai sama ada pemberian Bantuan Am telah diuruskan dengan teratur selaras dengan peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa.



Perbelanjaan  
Bantuan Am  
**RM3.44 Juta**



Bilangan Penerima  
**1,109**

### APA SEPATUTNYA

- Pemberian Bantuan Am dibuat selaras dengan peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.
- Pemberian Bantuan Am kepada penerima yang layak mengikut kadar yang ditetapkan.

### APA YANG BERLAKU

#### PEMBAYARAN TIDAK WAJAR – RM11,450

- ❑ Kesilapan Pembayaran Bantuan Am Ke Akaun Bank Penerima Lain - RM9,650
- ❑ Pembayaran Bantuan Am Dibuat Dua Kali kepada penerima yang sama - RM1,800

#### LEBIHAN BAYARAN – RM19,106

- ❑ Pembayaran Kepada Penerima Yang Telah Meninggal Dunia

**PEMBAYARAN  
TIDAK WAJAR  
RM11,450**

**LEBIHAN BAYARAN  
RM19,106**

### RUMUSAN



Kelemahan dalam pemberian Bantuan Am menyebabkan pembayaran tidak wajar dan lebihan bayaran berlaku.

**2 SYOR  
AUDIT**



# PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH BALING

# PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH

## KOTA SETAR

### 3. PEMBERIAN BANTUAN AM

#### FAKTA UTAMA

RM3.44 Juta	PKMD Baling 835	PKMD Kota Setar 274
Pemberian Bantuan Am		
Akta dan Peraturan	Bilangan Penerima Bantuan Pada Disember 2021 <ul style="list-style-type: none"><li>• Arahan Perbendaharaan</li><li>• Pekeliling Perbendaharaan Malaysia</li><li>• Kertas Dasar Skim Bantuan Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2011</li></ul>	

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kedah adalah salah satu cawangan JKM Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ia berperanan untuk melaksana dan mentadbir perkhidmatan kepada golongan kurang bernasib baik serta memerlukan bantuan kewangan bagi mengurangkan beban yang ditanggung. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan am bulanan, latihan sambil belajar, geran pelancaran dan lain-lain. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di Negeri Kedah bertanggungjawab untuk menguruskan pemberian bantuan tersebut.

1.2. Bantuan Am merupakan bantuan bulanan kepada individu/keluarga kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti. Bantuan ini bersifat sementara kerana ia akan dihentikan apabila keadaan sosioekonomi penerima atau keluarganya bertambah baik dan tidak lagi berkelayakan menerima bantuan semasa kajian semula kes dijalankan setiap tahun. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 8 November 2017 telah meluluskan kenaikan kadar bayaran minimum Bantuan Am bulanan daripada RM150 hingga RM350 kepada RM200 hingga RM350 berkuat kuasa 1 Januari 2018.

1.3. Proses permohonan dan kelulusan Bantuan Am serta maklumat yang berkaitan dengan penerima bantuan diuruskan melalui Sistem eBantuan. Senarai penerima bantuan dijana melalui Sistem eBantuan, manakala pembayaran dibuat melalui Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS).

1.4. Pada tahun 2021, sejumlah RM3.23 juta telah diperuntukkan di bawah Pemberian Dalam Negeri bagi PKMD Baling dan RM2.93 juta bagi PKMD Kota Setar. Jumlah perbelanjaan dan bilangan penerima di bawah program ini bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PERBELANJAAN BANTUAN AM PKMD BALING DAN**  
**PKMD KOTA SETAR BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA DISEMBER 2021**

BULAN	PKMD BALING		PKMD KOTA SETAR	
	PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PENERIMA (ORANG)	PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PENERIMA (ORANG)
Januari	230,550	1084	85,950	394
Februari	226,650	1062	88,450	406
Mac	223,000	1042	88,450	406
April	218,650	1016	87,050	402
Mei	217,200	1016	85,450	394
Jun	215,950	992	81,800	376
Julai	208,200	947	74,150	340
Ogos	205,700	931	72,800	334
September	199,100	897	70,200	321
Oktober	195,100	873	64,600	297
November	191,050	848	64,100	295
Disember	189,750	835	59,350	274
<b>JUMLAH</b>	<b>2,520,900</b>	<b>11,543</b>	<b>922,350</b>	<b>4,239</b>

Sumber: Data iSPEKS

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pemberian Bantuan Am telah diuruskan dengan teratur selaras dengan peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan adalah meliputi pemberian Bantuan Am bagi tahun 2021. Semakan telah dibuat terhadap 118 arahan pembayaran berjumlah RM0.50 juta. Ini termasuk 487 daripada 1,192 (40.8%) fail penerima bantuan di PKMD Baling dan 178 daripada 463 (38.4%) fail penerima bantuan di PKMD Kota Setar. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan analisis data iSPEKS bagi nama dan nombor akaun bank yang berulang dan senarai penerima Bantuan Am yang telah meninggal dunia.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pemberian bantuan di Unit Kebajikan dan Produktif serta Unit Kewangan dan Pentadbiran di PKMD. Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan fizikal turut dijalankan.

#### 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Februari hingga Mei 2022 di PKMD Baling dan PKMD Kota Setar. Maklum balas telah diterima pada 1 Jun dan 13 Julai 2022 bagi PKMD Baling manakala bagi PKMD Kota Setar diterima pada 26 Mei 2022. Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 29 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

##### 4.1. Pembayaran Tidak Wajar Berjumlah RM11,450

4.1.1. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran tidak wajar ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak sewajarnya sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Lampiran A pekeliling yang sama menyatakan perkara yang ditafsirkan sebagai pembayaran tidak wajar termasuk:

- a. apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali; dan
- b. apa-apa bayaran yang dibuat kepada seseorang yang tidak berhak menerimanya.

4.1.2. Pembayaran Bantuan Am dibuat melalui Arahan Pembayaran dalam iSPEKS. Berdasarkan senarai penerima bantuan yang dijana oleh Sistem eBantuan, maklumat berkaitan nama, kad pengenalan dan nombor akaun bank penerima bantuan yang layak perlu dikemukakan ke Pejabat Perakaunan untuk dikunci masuk dalam iSPEKS.

4.1.3. Dua penemuan Audit yang melibatkan pembayaran tidak wajar berjumlah RM11,450 di PKMD Baling adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMBAYARAN TIDAK WAJAR**

PERENGGAN	PENEMUAN	JUMLAH (RM)
a.	Kesilapan Pembayaran Bantuan Am ke Akaun Bank Penerima Lain	9,650
b.	Pembayaran Bantuan Am Dibuat Dua Kali Kepada Penerima yang Sama	1,800
<b>JUMLAH</b>		<b>11,450</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. **Kesilapan Pembayaran Bantuan Am Ke Akaun Bank Penerima Lain Berjumlah RM9,650**

- i. Semakan Audit terhadap laporan arahan pembayaran tahun 2021 mendapati **berlaku kesilapan pembayaran ke akaun penerima lain berjumlah RM1,600**. Ini disebabkan maklumat berkaitan nombor akaun bank pada arahan pembayaran berbeza dengan dokumen sokongan iaitu senarai penerima dalam Sistem eBantuan.

- ii. Semakan lanjut mendapati nombor akaun bank penerima pada arahan pembayaran adalah nombor akaun bank penerima lain yang juga penerima Bantuan Am. Perkara ini berlaku kerana tiada semakan ketepatan data dibuat terhadap arahan pembayaran dengan dokumen sokongan yang dikepulkan sebelum pembayaran diluluskan. Kesilapan ini menyebabkan penerima sebenar dengan nombor akaun bank 108074046456 seperti di sistem eBantuan tidak menerima bayaran bagi bulan Januari hingga Ogos 2021 dan lebihan bayaran kepada penerima nombor akaun bank 102019022885 seperti di arahan pembayaran berjumlah RM1,600 seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**MAKLUMAT NOMBOR AKAUN PENERIMA DI ARAHAN PEMBAYARAN BERBEZA**  
**DENGAN SENARAI PENERIMA DALAM SISTEM eBANTUAN**

BIL.	NO./TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	PERIHAL BAYARAN	NO. AKAUN BANK PENERIMA DI ARAHAN PEMBAYARAN	NO. AKAUN BANK PENERIMA DI SISTEM eBANTUAN	AMAUN (RM)
1.	21EBBB0400012 24.01.2021	Bantuan Am Bulan Jan 2021	102019022885	108074046456	200
2.	21EBBB0400036 16.02.2021	Bantuan Am Bulan Feb 2021	102019022885	108074046456	200
3.	21EBBB0400055 02.03.2021	Bantuan Am Bulan Mac 2021	102019022885	108074046456	200
4.	21EBBB0400110 14.04.2021	Bantuan Am Bulan April 2021	102019022885	108074046456	200
5.	21EBBB0400172 10.05.2021	Bantuan Am Bulan Mei 2021	102019022885	108074046456	200
6.	21EBBB0400186 03.06.2021	Bantuan Am Bulan Jun 2021	102019022885	108074046456	200
7.	21EBBB0400220 06.07.2021	Bantuan Am Bulan Julai 2021	102019022885	108074046456	200
8.	21EBBB0400254 03.08.2021	Bantuan Am Bulan Ogos 2021	102019022885	108074046456	200
JUMLAH					1,600

Sumber: Arahan Pembayaran Bagi Tahun 2021

- iii. Mulai bulan September 2021, penerima dengan nombor akaun bank 108074046456 seperti di sistem eBantuan telah ditamatkan pemberian Bantuan Am atas sebab pendapatan keluarga telah melebihi syarat kelayakan.
- iv. Semakan lanjut mendapati turut berlaku **lebihan bayaran kepada penerima lain sejak bulan Ogos 2017 sehingga Disember 2020 berjumlah RM8,050** seperti dalam **Jadual 4**. Perkara ini telah menyebabkan penerima sebenar dengan nombor akaun bank 108074046456 seperti di sistem eBantuan tidak menerima bantuan dengan jumlah terkumpul RM9,650.

**JADUAL 4**  
**PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT KE AKAUN PENERIMA LAIN**

BIL.	TEMPOH KELULUSAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	KADAR BANTUAN SEBULAN (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Ogos - September 2017	2	200	400
2.	Oktober - Disember 2017	3	150	450
3.	Januari - Disember 2018	12	200	2,400
4.	Januari - Disember 2019	12	200	2,400
5.	Januari - Disember 2020	12	200	2,400
<b>JUMLAH</b>				<b>8,050</b>

Sumber: Penyata Amaun Kutipan Balik Bayaran

**Maklum Balas PKMD Baling pada 1 Jun 2022**

PKMD Baling telah membuat semakan semula ke atas penyata bank yang dikemukakan oleh penerima lebihan bayaran tersebut dan surat kutipan balik terkini telah dikeluarkan pada 28 Mei 2022. Jumlah RM9,650 telah direkodkan dalam Akaun Belum Terima Jabatan.

**Maklum Balas PKMD Baling pada 13 Julai 2022**

PKMD Baling telah membuat permohonan kelulusan khas kepada Pegawai Kewangan Negeri pada 16 Jun 2022 untuk membuat pembayaran di bawah AP58(a) kepada penerima sebenar. Kelulusan pembayaran telah diterima pada 3 Julai 2022.

**Pernyataan Audit** Kelemahan dalam proses penyediaan arahan pembayaran menyebabkan lebihan bayaran dan penerima yang layak tidak menerima bantuan berjumlah RM9,650.

- b. Pembayaran Bantuan Am Dibuat Dua Kali Kepada Penerima yang Sama Berjumlah RM1,800
  - i. Semakan Audit mendapati **sembilan kes pembayaran Bantuan Am telah dibuat dua kali kepada penerima yang sama**. Perkara ini berlaku disebabkan penerima disenaraikan dua kali dalam senarai penerima eBantuan dan kesilapan mengunci masuk maklumat penerima semasa proses penyediaan arahan pembayaran. Oleh itu, berlaku kesilapan pembayaran berjumlah RM3,750 berbanding kelayakan RM1,950 menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM1,800. Butiran lengkap seperti dalam Jadual 5.

**JADUAL 5**  
**PEMBAYARAN DUA KALI KEPADA PENERIMA YANG SAMA**

BIL.	ARAHAN PEMBAYARAN		NO. FAIL PENERIMA BANTUAN	KELAYAKAN (RM)	NO.EFT/ AMAUN (RM)
	NOMBOR/ TARIKH	PERIHAL			
1.	21EBBB0400043 16.02.2021	Bantuan Am Bulan Februari 2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/(0095/2020)	250	K00482141 RM250
					K00482142 RM200
2.	21EBBB0400062 02.03.2021	Bantuan Am Bulan Mac 2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/(0100/2013)	200	K00487597 RM200
					K00487598 RM200
3.	21EBBB0400073 04.03.2021	Bantuan Am Bulan Mac 2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/(0015/2021)	300	K00488444 RM300
					K00488445 RM200
4.	21EBBB0400252 03.08.2021	Bantuan Am Bulan Ogos 2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/(0029/2020)	200	K00549643 RM200
					K00549654 RM200
5.	21EBBB0400256 03.08.2021	Bantuan Am Bulan Ogos 2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/(0711/2012)	200	K00549453 RM200
					K00549454 RM200
6.	21EBBB0400258 03.08.2021	Bantuan Am Bulan Ogos 2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/(0243/2013)	200	K00549321 RM200
					K00549322 RM200
7.	21EBBB0400284 02.09.2021	Bantuan Am Bulan September 2021	PKMD.Ked.02/600/1/(0291/2014)	200	K00558146 RM200
					K00558147 RM200
8.	21EBBB0400299 02.09.2021	Bantuan Am Bulan September 2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/(2741/2010)	200	K00557455 RM200
					K00557456 RM200
9.	21EBBB0400405 03.12.2021	Bantuan Am Bulan Disember 2021	PKMD.Ked.02/600/1/(0069/ 2019)	200	K00597197 RM200
					K00597198 RM200
<b>JUMLAH</b>				<b>1,950</b>	<b>3,750</b>

Sumber: Arahan Pembayaran Bagi Tahun 2021

- ii. Semakan selanjutnya terhadap senarai penerima yang dilampirkan bersama arahan pembayaran tersebut mendapati kesilapan mengunci masuk maklumat penerima semasa proses penyediaan arahan pembayaran juga menyebabkan lapan orang penerima yang disenaraikan tidak dibuat bayaran berjumlah RM1,700 seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**BAYARAN TIDAK DIBUAT KEPADA PENERIMA YANG DISENARAIKAN**

BIL.	ARAHAN PEMBAYARAN		NO. FAIL PENERIMA BANTUAN	AMAUN (RM)
	NOMBOR/TARIKH	PERIHAL		
1.	21EBBB0400043 16.02.2021	Bantuan Am Bulan Februari 2021	PKMd.Ked/02/600/04/1/(0023/19)	200
2.	21EBBB0400062 02.03.2021	Bantuan Am Bulan Mac 2021	PKMd.Ked/02/600/04/1/(2018/16)	200
3.	21EBBB0400073 04.03.2021	Bantuan Am Bulan Mac 2021	PKMd.Ked/02/600/04/13/(70/11)	300
4.	21EBBB0400252 03.08.2021	Bantuan Am Bulan Ogos 2021	PKMd.Ked/02/600/04/13/(66-12)	200
5.	21EBBB0400256 03.08.2021	Bantuan Am Bulan Ogos 2021	PKMd.Ked/02/600/04/1/(0236/12)	200
6.	21EBBB0400258 03.08.2021	Bantuan Am Bulan Ogos 2021	PKMd.Ked/02/600/04/1/(69-11)	200
7.	21EBBB0400299 02.09.2021	Bantuan Am Bulan September 2021	PKMd.Ked/02/600/04/1/(0671/2021)	200
8.	21EBBB0400405 03.12.2021	Bantuan Am Bulan Disember 2021	PKMd.Ked/02/600/04/1/(0073/14)	200
JUMLAH				1,700

Sumber: Arahan Pembayaran Bagi Tahun 2021

**Maklum Balas PKMD Baling pada 1 Jun 2022**

PKMD Baling telah mengeluarkan surat peringatan bagi tujuan kutipan balik lebihan bayaran dan membuat permohonan AP58(a) kepada Pegawai Kewangan Negeri bagi tahun 2022 untuk membuat pembayaran bagi penerima yang tercicir menggunakan peruntukan tahun semasa.

**Maklum Balas PKMD Baling pada 13 Julai 2022**

- PKMD Baling telah membuat kutipan balik daripada tujuh penerima manakala dua penerima masih belum mampu membuat bayaran balik.
- PKMD Baling telah membuat pembayaran kepada lima penerima, dua penerima masih dalam proses permohonan kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri manakala seorang penerima telah meninggal dunia pada bulan Januari 2022. Bagi penerima yang meninggal dunia, bantuan tidak boleh dibuat kepada waris.

**Pernyataan Audit** Kelemahan dalam proses semakan dan kesilapan mengunci masuk maklumat penerima semasa penyediaan arahan pembayaran menyebabkan berlakunya lebihan bayaran berjumlah RM1,800. Selain itu, penerima yang sepatutnya pula tidak menerima bantuan berjumlah RM1,700.

**4.2. Pembayaran Bantuan Am Kepada Penerima Yang Telah Meninggal Dunia Berjumlah RM19,106**

4.2.1. Arahan Perbendaharaan 102(a)(v) menghendaki Pegawai Pengawal atau wakilnya memastikan bayaran dibuat kepada pihak yang berhak menerima bayaran.

4.2.2. Surat Keputusan Permohonan Bantuan/Semakan Semula Permohonan Bantuan menyatakan Waris/Wakil/Penjaga perlulah memaklumkan kepada JKM sekiranya penerima bantuan meninggal dunia serta hendaklah mengembalikan bayaran bantuan bermula daripada tarikh kematian. Pengiraan bayaran balik dibuat berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi mengenal pasti status penerima bantuan yang meninggal dunia, semakan juga dibuat melalui Sistem myIDENTITY Jabatan Pendaftaran Negara yang berintegrasi dengan Sistem eBantuan.

4.2.3. Penemuan Audit yang melibatkan pembayaran kepada penerima yang telah meninggal dunia adalah seperti berikut:

**a. Pembayaran Bantuan Am Kepada Penerima yang Telah Meninggal Dunia di PKMD Baling Berjumlah RM6,274**

Semakan Audit terhadap 72 fail penerima Bantuan Am serta arahan pembayaran bagi penerima yang meninggal dunia pada tahun 2021 mendapati **bayaran berjumlah RM6,274 telah dibuat kepada 26 penerima Bantuan Am yang telah meninggal dunia** seperti dalam **Jadual 7**. Sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan, bayaran balik belum dijelaskan oleh waris. Daripada 26 penerima yang meninggal dunia tersebut hanya 19 surat pemberitahuan kutipan balik dikeluarkan.

**JADUAL 7**  
**BAYARAN BANTUAN AM KEPADA PENERIMA**  
**YANG TELAH MENINGGAL DUNIA DI PKMD BALING**

BIL.	TARIKH MENINGGAL	SURAT PEMBERITAHUAN KUTIPAN LEBIHAN BAYARAN		LEBIHAN BAYARAN (RM)
		TARIKH	NO. RUJUKAN	
1.	25.01.2021	03.03.2022	PKMD.Ked.02/600/04/1/0012-2019	345
2.	02.02.2021	09.03.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0160-13	241
3.	21.03.2021	31.03.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0213-2017	71
4.	15.04.2021	27.04.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0282-2015	107
5.	15.04.2021	21.10.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0193-2018	107
6.	20.04.2021	21.02.2022	PKMD.Ked.02/600/04/1/0031-2016	83
7.	13.05.2021	23.05.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0006-2019	123
8.	31.05.2021	08.09.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0221-2018	606
9.	15.06.2021	06.07.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0181-16 / & P1-6.10.2021 & P2-6.1.2022	307
10.	19.06.2021	06.07.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0148-2020	280
11.	30.06.2021	07.07.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0139-2020	207
12.	28.07.2021	15.08.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0288-2015	226
13.	31.07.2021	12.08.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0077-2020	361

BIL.	TARIKH MENINGGAL	SURAT PEMBERITAHUAN KUTIPAN LEBIHAN BAYARAN		LEBIHAN BAYARAN (RM)
		TARIKH	NO. RUJUKAN	
14.	11.08.2021	09.11.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0014-18	135
15.	18.08.2021	01.02.2022	PKMD.Ked.02/600/04/1/0089-21	508
16.	29.08.2021	21.10.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0106-2012	219
17.	03.09.2021	10.10.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0039-2020	280
18.	10.10.2021	17.11.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0390-2015	336
19.	28.10.2021	07.11.2021	PKMD.Ked.02/600/04/1/0195-2013	326
20.	25.01.2021			245
21.	31.01.2021			206
22.	18.03.2021			90
23.	19.05.2021		Tiada Surat Pemberitahuan Kutipan Bayaran Balik Dikeluarkan	284
24.	02.06.2021			193
25.	27.06.2021			227
26.	07.08.2021			161
<b>JUMLAH</b>				<b>6,274</b>

Sumber: Penyata Amaun Kutipan Balik Bayaran Bantuan Am dan Fail Penerima Bantuan

**b. Pembayaran Bantuan Am Kepada Penerima Yang Telah Meninggal Dunia Di PKMD Kota Setar Berjumlah RM12,832**

Semakan Audit terhadap 28 penerima bantuan yang meninggal dunia mendapati **bayaran berjumlah RM12,832 telah dibuat kepada lapan penerima Bantuan Am yang telah meninggal dunia. Bayaran balik belum dijelaskan oleh waris bagi lapan penerima tersebut.** Tiga tunggakan tersebut telah melebihi tempoh satu tahun seperti dalam **Jadual 8.**

**JADUAL 8**  
**BAYARAN BANTUAN AM KEPADA PENERIMA**  
**YANG TELAH MENINGGAL DUNIA DI PKMD KOTA SETAR**

TEMPOH KEMATIAN	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)
Kurang 1 Tahun	5	1,008
1 Hingga 5 Tahun	1	119
Melebihi 5 Tahun	2	11,705
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>12,832</b>

Sumber: Senarai ABT dan Data iSPEKS

4.2.4. Bayaran kepada penerima bantuan yang meninggal dunia berlaku kerana kes kematian tidak dimaklumkan dengan segera oleh waris menyebabkan penamatan tidak dapat dibuat. Selain itu PKMD tidak menetapkan tempoh masa memaklumkan kematian penerima bantuan serta tempoh bayaran balik oleh waris. PKMD juga menetapkan bayaran balik hendaklah dibuat bermula pada tarikh penerima bantuan meninggal dunia dan menyebabkan berlaku lebihan bayaran bermula pada bulan kematian.

### **Maklum Balas PKMD Baling pada 1 Jun 2022**

PKMD Baling telah mengeluarkan surat peringatan bagi tujuan kutipan balik lebihan bayaran. Sehingga 31 Mei 2022, bayaran balik sejumlah RM1,048 telah diterima bagi tiga penerima Bantuan Am yang meninggal dunia dan baki berjumlah RM5,226 telah dikemas kini dalam rekod Akaun Belum Terima.

### **Maklum Balas PKMD Kota Setar pada 26 Mei 2022**

PKMD Kota Setar telah mengeluarkan surat peringatan pada 22 Mei 2022 bagi kutipan balik lebihan bayaran kepada waris.

**Pernyataan Audit** Kelewatan dalam proses penamatan bayaran Bantuan Am kepada penerima bantuan yang meninggal dunia menyebabkan bayaran dibuat kepada penerima yang tidak layak berjumlah RM6,274 di PKMD Baling dan RM12,832 di PKMD Kota Setar.

## **5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam bayaran Bantuan Am kepada penerima bantuan. Kelemahan dalam pengurusan Bantuan Am menyebabkan kesilapan pembayaran ke akaun penerima lain, pembayaran dua kali dan bayaran Bantuan Am dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.

## **6. SYOR AUDIT**

PKMD hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

6.1. memastikan semakan dilaksanakan dengan lebih teliti oleh pegawai bertanggungjawab sebelum bayaran dibuat bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah betul dan tepat; dan

6.2. menambah baik Dasar Bantuan Am Negeri khususnya berkenaan tatacara kutipan bayaran balik bagi penerima yang telah meninggal dunia dengan menetapkan tempoh masa yang jelas bagi waris melaporkan kematian dan mengambil kira kemampuan waris membuat bayaran balik.